

Di dalam Bab 4, pengkaji telahpun membincangkan masalah-masalah yang dihadapi oleh responden. Di dalam tiap-tiap jenis perniagaan terdapat berbagai jenis masalah. Masalah-masalah ini timbul dalam pengurusan, pelaksanaan projek, mendapatkan tender, bahan-bahan binaan, tenaga kerja dan lain-lain. Masalah-masalah utama yang dihadapi mereka terdiri dari:

1. Masalah kewangan
2. Masalah mendapat bahan binaan.
3. Masalah tenaga kerja.
4. Masalah mendapatkan mesin dan alat-alat pembinaan.
5. Masalah persaingan dengan syarikat besar.

6.1 Masalah kewangan

Masalah ini boleh diatasi dengan kerjasama yang sepenuhnya dan ikhlas dari bank-bank. Bank pusat negara, iaitu Bank Negara, juga patut mengkaji semula syarat-syarat yang ketat yang dikenakan oleh bank-bank perdagangan di negara ini. Di negara-negara yang maju, seperti di United Kingdom, Bank Industri memainkan peranan penting dalam segala urusan industri.

Bank Industri Malaysia Berhad (yang dipunyai oleh kerajaan) perlu mengambil peranan yang lebih aktif dalam urusan industri pembinaan dan memberi pinjaman yang lebih kepada kontraktor-kontraktor binaan yang sedang berkembang dengan pesatnya.

Kerajaan pula telah menubuhkan Syarikat Jaminan Kredit (CGC) yang bertindak sebagai penjamin kepada usahawan-usahawan muda, termasuk juga yang terlibat sebagai kontraktor kecil, yang memohon pinjaman di bawah skim tersebut.

Skim-skim yang ditawarkan oleh Syarikat Jaminan Kredit ialah Skim Pinjaman Khas, Skim Pinjaman Am dan Skim Pinjaman Penjaja dan Peniaga Kecil. Sehingga kini 152,445 peminjam telah menerima faedah dari CGC¹ dengan nilai pinjaman berjumlah \$2.77 billion.

Kontraktor-kontraktor Bumiputera juga boleh mendapat kemudahan pinjaman dari agensi-agensi kerajaan seperti MARA, Bank Pembangunan Malaysia Berhad, Syarikat Permodalan Kemajuan Perusahaan Malaysia (MIDF) dan lain-lain. Pinjaman-pinjaman ini

-
1. Rahimah Dato' Hj. Ahmad, Penyertaan Bumiputera dalam Kontrak Kerja Kerajaan, Kementerian Kerja Raya Malaysia, 8 - 10 Nov 1989.

meliputi pinjaman projek, pinjaman modal pusingan, skim sewa loji, pinjaman jentera, pembiayaan pajakan dan lain-lain.

Semua pinjaman-pinjaman ini adalah untuk menolong ahli perniagaan Bumiputera yang mungkin kekurangan sumber-sumber kewangan. Responden yang ditemui yang pernah menggunakan kemudahan pinjaman ini menyatakan pinjaman-pinjaman tersebut adalah sangat berfaedah. Sehingga Mac 1988, Bank Pembangunan Malaysia Berhad telah memberi pinjaman kepada 3,109 projek, melibatkan pinjaman sejumlah \$1,085.6 juta. Dari jumlah tersebut, 2,974 projek merupakan projek Bumiputera dengan jumlah pinjaman sebanyak \$1,046.3² juta (96.4%).

Kontraktor-kontraktor juga menyatakan bahawa mereka kekurangan modal/wang untuk membayar semua polisi insuran yang dikehendaki oleh kerajaan. Polisi-polisi insuran perlu dikaji semula dan syarat-syarat perlu dilonggarkan oleh kerajaan.

Kebanyakan responden menyatakan bahawa perniagaan perusahaan pembinaan di sekitar kawasan

-
2. Rahimah Dato' Hj. Ahmad, Penyertaan Bumiputera dalam Kontrak Kerajaan (Kertas Kerja IV), Kementerian Kerja Raya Malaysia, 8 - 10 Nov, 1989.

Petaling Jaya dan Subang Jaya adalah agak sukar jika tidak mempunyai modal yang banyak. Ini kerana kos hidup yang tinggi di kedua bandar memaksa mereka membayar tenaga buruh dengan lebih tinggi berbanding dengan kos tenaga kerja di luarbandar.

Masalah kewangan yang teruk juga terjadi apabila agensi-agensi kerajaan atau syarikat-syarikat tidak dapat membayar kontraktor pada waktu yang ditetapkan. Pengkaji mencadangkan supaya mereka memberhentikan sifat buruk ini, terutama oleh pihak kerajaan, kerana ini menjatuhkan imej mereka. Agensi-agensi kerajaan juga patut mengurangkan kerumitan birokrasi. Ini kerana kelewatan bayaran kepala kontraktor akan merugikan kontraktor dan akan menjejaskan hubungan kontraktor dengan sub-kontraktor/pembekal bahan-bahan binaan. Agensi-agensi kerajaan patut mengambil berat atas perkara ini.

Adalah tidak logik jika terdapat agensi kerajaan seperti MARA yang menolong kontraktor sementara terdapat agensi kerajaan yang lain yang lewat membayar bayaran.

6.2 Masalah mendapatkan bahan binaan

Semua responden menyatakan bahawa mereka agak kesal tiada pembekal bahan-bahan binaan Bumiputera. Pengkaji mencadangkan supaya lebih ramai peniaga Melayu berniaga barang-barang pembinaan. Mereka harus menyedari bahawa menjadi pembekal bahan-bahan pembinaan adalah sangat penting kerana bahan-bahan binaan merupakan asas setiap projek.

Harga-harga barang-barang binaan yang tidak tetap dan sentiasa turun-naik juga menjadi masalah besar. Pengkaji mencadangkan supaya kerajaan dan syarikat-syarikat pembekal bahan-bahan binaan mengkaji serta menyelaraskan harga barang-barang berkenaan. Ini adalah langkah pertama yang patut diambil kerana proses ini memakan masa yang lama. Anak-anak syarikat SEDC harus peka kepada masalah mendapatkan bahan binaan dan tidak patut bertindak seperti sebuah anak syarikat yang komersial semata-mata.

Dikriminasi di kalangan pembekal barang-barang binaan di mana keutamaan diberi kepada kontraktor-kontraktor kelas A dan B harus dihapuskan. Sebaliknya, lebih banyak kemudahan kredit harus diberikan kepada kontraktor-kontraktor dari kelas

Yang rendah untuk memberi mereka lebih dorongan untuk bergiat dengan bersungguh-sungguh dalam industri pembinaan.

Adakalanya bahan binaan tidak mencukupi kerana ada kontraktor yang tidak bertimbangrasa dan tamak yang membeli bahan-bahan secara berlebihan kerana takut harga akan menjadi lebih tinggi. Oleh itu, pengkaji mencadangkan supaya amalan ini diberhentikan dengan segera. Kerjasama dan sifat bertimbangrasa patut diujudkan untuk kepentingan bersama pihak pembekal dan kontraktor-kontraktor.

Kadang-kadang kelebihan satu jenis bahan menyebabkan tidak selimpal dengan permintaan di pasaran. Ada masa yang bahan asas seperti skim kehabisan stok terlalu cepat dan menjejaskan projek.

Pengkaji mencadangkan supaya kajian , patut dijalankan untuk memastikan apakah jenis-jenis bahan binaan yang sering dikehendaki oleh industri pembinaan. Penyelarasan patut dibuat di antara anak-anak syarikat kerajaan seperti SEDC dan pengimport bahan-bahan binaan yang lebih bersifat mementingkan keuntungan.

Masalah mendapatkan tenaga kerja Bumiputera profesional dan pekerja teknikal dan mahir merupakan masalah yang ketara.

Pengkaji mencadangkan supaya kerajaan mengadakan lebih banyak peluang untuk kaum Bumiputera mempelajari mengenai keusahawanan dan bidang industri.

Institusi-institusi seperti MARA, Pusat Daya Pengeluaran Negara (PDPN), Pusat Pembangunan Usahawan Malaysia (MEDEC-ITM) dan lain-lain patut meningkatkan usaha mereka untuk mengeluarkan lebih ramai ahli perniagaan Bumiputera.

Sekolah-sekolah teknik dan lebih banyak institut vokasional harus didirikan di setiap negeri di Malaysia. Responden juga mencadangkan supaya penekanan kepada kemahiran-kemahiran yang berkaitan dengan bidang pembinaan yang semakin pesat.

Pekerja-pekerja teknikal yang mahir seperti "welder" sangat berkurangan dan pengkaji berharap kajian terperinci mengenai kerja-kerja di sektor pembinaan dibuat supaya kerajaan dapat membantu kurikulum yang lebih efektif di sekolah-sekolah vokasional.

6.3 Masalah tenaga kerja

Masalah mendapatkan tenaga kerja Bumiputera profesional dan pekerja teknikal dan mahir merupakan masalah yang ketara.

Pengkaji mencadangkan supaya kerajaan mengadakan lebih banyak peluang untuk kaum Bumiputera mempelajari mengenai keusahawanan dan bidang industri.

Institusi-institusi seperti MARA, Pusat Daya Pengeluaran Negara (PDPN), Pusat Pembangunan Usahawan Malaysia (MEDEC-ITM) dan lain-lain patut meningkatkan usaha mereka untuk mengeluarkan lebih ramai ahli perniagaan Bumiputera.

Sekolah-sekolah teknik dan lebih banyak institut vokasional harus didirikan di setiap negeri di Malaysia. Responden juga mencadangkan supaya penekanan kepada kemahiran-kemahiran yang berkaitan dengan bidang pembinaan yang semakin pesat.

Pekerja-pekerja teknikal yang mahir seperti "welder" sangat berkurangan dan pengkaji berharap kajian terperinci mengenai kerja-kerja di sektor pembinaan dibuat supaya kerajaan dapat membantu kurikulum yang lebih efektif di sekolah-sekolah vokasional.

Tenaga profesional Bumiputera juga dapat dipertingkatkan jika masyarakat Melayu sendiri dapat memberanikan diri menceburi bidang seperti sajuruteraan dan perakaunan. Tenaga profesional Bumiputera yang sedia ada tidak patut "makan gaji" sahaja dan patut timbul semangat untuk memajukan kehidupan mereka. Mereka harus sedar bahawa, dengan berbekalkan kelayakan profesional yang ada, mereka boleh mendapat pulangan yang banyak jika menceburi binaan.

Buruh-buruh kasar berpengalaman juga sukar ditemui di kalangan rakyat tempatan.³ Oleh itu, mereka terpaksa mengambil buruh Indonesia. Pengkaji mencadangkan supaya rakyat Malaysia patut menghapuskan pandangan dan sikap negatif mereka terhadap pekerjaan buruh. Di negara Barat seperti Amerika Syarikat, seorang buruh yang mempunyai kemahiran teknikal yang tinggi dikehendaki oleh syarikat-syarikat besar dan dibayar dengan gaji yang banyak.

Pengkaji berpendapat bahawa setiap orang yang bekerja keras dan secara sah patut dihormati. Stigma yang dikaitkan dengan pekerjaan buruh patut dihapuskan untuk menghadapi cabaran industri pembinaan dan perindustrian.

Terdapat kekurangan 'kepala' Bumiputera yang amat ketara di negeri-negeri Kelantan dan Terengganu untuk mengendalikan projek-projek di sana. Kerajaan patut memberi latihan dan kursus yang terbuka kepada sesiapa sahaja yang ingin melibatkan diri dalam industri pembinaan, terutama di kedua-dua negeri tersebut.

Pengkaji juga mencadangkan bahawa kerajaan patut mengadakan program-program khas untuk remaja yang menganggur di bandar dan luarbandar. Kursus-kursus pendek ini boleh mendedahkan mereka kepada aspek-aspek perniagaan dan dengan pengetahuan ini, mereka dapat berdikari dengan menjalankan perniagaan sendiri.

Pendedahan yang lebih luas mengenai industri pembinaan boleh membantu remaja-remaja tersebut mengetahui peluang-peluang pekerjaan yang semakin bertambah dalam industri tersebut.

Tenaga pekerja merupakan asset yang paling penting kepada seorang usahawan dan sebuah syarikat. Ia merupakan satu daripada faktor-faktor kejayaan dan kegagalan suatu projek. Oleh itu, perhatian yang serius patut diberikan kepada masalah ini dan kerjasama di antara pihak kerajaan dan swasta patut dijalinakan dengan lebih erat lagi.

6.4 Masalah mendapatkan mesin dan alat-alat pembinaan

Ada juga responden yang mengatakan bahawa sewa mesin agak tinggi. Satu cara untuk mengatasi masalah ini ialah pihak kerajaan dan anak-anak syarikat SEDC patut menyediakan satu skim khas penyewaan alat-alat.

Alat-alat ini patut merangkumi alat pengorek tanah, kren dan mesin simen yang merupakan alat-alat asas dalam mana-mana projek, tidak kira projek kecil atau projek besar.

Skim kemudahan "hire-purchase" juga patut diperkenalkan, yang tidak begitu tinggi harga kepada mereka yang ingin membeli mesin-mesin tetapi hanya mampu membayar secara ansuran.

6.5 Persaingan dengan syarikat-syarikat besar

Kontraktor-kontraktor mendapati mereka perlu bersaing dengan syarikat-syarikat besar dan juga agensi-agensi kerajaan (bahagian pembinaan) seperti PERNAS, SEDC dan PAREMBA.

Pada pendapat saya, ini merupakan suatu situasi yang ironik kerana setengah pihak kerajaan seperti MARA begitu gigih menolong Bumiputera dalam industri pembinaan sementara agensi kerajaan yang lain memberi saingan.

Penyelerasan antara pihak kerajaan dan kontraktor-kontraktor harus dilakukan supaya tidak berlaku pertindihan dalam pemberian kontrak kerja. Lebih banyak peluang patut diberikan kepada kontraktor Bumiputera supaya mereka dapat bertambah maju.

3.6 Sikap orang-orang Melayu

Pengkaji mencadangkan supaya kontraktor-kontraktor Bumiputera yang hidup suka penuh dengan "glamour", rumah-rumah besar dan kereta-kereta mewah memberhentikan sikap yang tidak ada faedah ini.

Sebaliknya mereka patut mencurahkan segala usaha, tenaga dan masa mereka kepada peningkatan prestasi kerja mereka dan penyelerasan projek-projek mereka.

Mereka harus memastikan pekerja-pekerja mereka mempunyai daya motivasi, rasa bertanggung-jawab, rajin dan lain-lain bagi memastikan syarikat mereka maju dan perniagaan berjalan dengan lancar.

Pengkaji mencadangkan supaya kontraktor-kontraktor mengadakan kawalan mutu atau "quality control" di syarikat-syarikat mereka. Kawalan mutu ini adalah untuk memastikan supaya setiap pekerja membantu ke arah pencapaian objektif-objektif syarikat serta membetulkan apa-apa kekurangan yang terdapat di dalam syarikat tersebut.

Responden-responden ini patut menyedari bahawa kejayaan syarikat tidak bergantung kepada bilangan kereta mewah tetapi kepada kakitangan syarikat dan kecemerlangan rekod kerja.

6.7 Lain-lain masalah

Sindrom Ali-Baba

Terdapat segelintir kontraktor yang mengamalkan sindrom Ali-Baba di mana mereka memberi sub-kontrak kepada bukan Bumiputera.

Pihak kerajaan yang mengeluarkan lesen iaitu Pusat Khidmat Kontraktor di Kementerian Perusahaan Awam harus menyelidiki latarbelakang syarikat dan memastikan jika syarikat tersebut benar-benar milik Bumiputera.

Pengkaji juga mencadangkan bahawa denda harus dikenakan kepada mana-mana syarikat yang memberi maklumat palsu supaya dapat memenuhi syarat-syarat untuk mendapat taraf Bumiputera.

Persaingan dengan bukan Bumiputera

Responden-responden yang ditemui juga menyatakan bahawa mereka telah menghadapi persaingan dengan kontraktor Bumiputera di Petaling Jaya di mana didapati ramai penduduk bukan Bumiputera.

Pengkaji mencadangkan supaya kontraktor Bumiputera cuba mengikut cara pengurusan syarikat bukan Bumiputera dan mempelajari selok-belok perniagaan yang efektif supaya mereka dapat mempertingkatkan mutu kerja mereka dan daya produktiviti.

Pengkaji juga mencadangkan supaya suatu kerjasama yang erat dijalinan supaya kontraktor-kontraktor Bumiputera yang telah berpengalaman dapat memberi sedikit sebanyak pengetahuan mereka mengenai industri pembinaan.

Secara kesimpulannya, dapat dikatakan bahwa kontraktor Bumiputera mempunyai pelbagai cara untuk menyelesaikan masalah-masalah mereka. Pertolongan daripada pihak kerajaan juga adalah sangat penting demi peningkatan pencapaian kontraktor Bumiputera dalam sektor industri pembinaan.